

CUTI SEKOLAH

Luang masa bersama anak dengan program kekeluargaan

Cuti persekolahan sudah bermula. Semua pihak sudah pasti bersedia dengan pelbagai agenda. Syarikat televisyen berlumba menayangkan cerita animasi yang pelbagai untuk tatapan kanak-kanak. Syarikat pengeluar barang permainan sudah merangka permainan yang menarik minat kanak-kanak serta ibu bapa untuk membeli. Kedai menjual pakaian, pewangi serta alat solek turut menawarkan harga diskaun yang hebat untuk remaja yang 'gila fesyen' dan suka membeli-belah.

Berbagai tarikan di musim

cuti sekolah. Bagaimana pula kita sebagai ibu bapa? Apakah pelan dan strategi untuk menarik anak meluangkan masa lebih dengan kita?

Lebih dekat dengan rakan

Anak-anak terutama remaja sudah pandai merancang aktiviti bersama rakan. Mereka kini lebih dekat dengan rakan berbanding ibu bapa. Ini kerana, masa mereka lebih banyak diluang bersama rakan, terutama yang tinggal di asrama.


Seharusnya tidak timbul soal anak mahukan kebebasan, ter-

pengaruh dengan rakan serta mengikut teman lelaki andai ibu bapa sentiasa mendampingi anak, memantau setiap aktiviti dan gerak geri mereka, tahu mereka berkawan dengan siapa serta paling penting apa yang anak mahukan.

Musim cuti sekolah harus dimanfaatkan dengan aktiviti yang bersifat kekeluargaan. Ambil cuti beberapa hari demi anak. Gunakan peluang ini untuk berkongsi cerita dengan mereka. Ibu bapa sewajarnya menjadi rakan kepada anak supaya mereka rasa selesa dan boleh berkongsi segala

berita gembira mahupun masalah berbanding rakan seperti yang banyak berlaku pada masa ini.

Pada zaman teknologi yang serba canggih ini, kebanyakan anak sudah pandai menggunakan telefon pintar hatta yang baru bersekolah. Jauhkan gajet daripada anak buat sementara waktu. Isikan kekosongan itu dengan melakukan perkara yang diminati mereka.

 **Asma' Ahmad Zaharuddin,**

Universiti Sains Islam Malaysia